

17/02/2003

Air: KL mahu reaksi positif Singapura

Hasnira Hassan

ALOR GAJAH: Malaysia sudah menunjukkan keikhlasan menyelesaikan isu air dengan Singapura dan republik itu sepatutnya memberi maklum balas positif untuk bertindak segera menyelesaikan isu berkenaan.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata keikhlasan ini berikutan jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada Singapura yang negara ini akan membekalkan air kepada republik itu "sampai kiamat".

"Pengakuan Dr Mahathir ini juga menghilangkan keraguan di kalangan rakyat Singapura berhubung isu ini. Kita hanya menuntut harga yang adil mengenai isu air ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Berkelompok Mesyuarat cawangan Umno bahagian Selandar di A' Famosa Resort di sini, semalam.

Berikutan itu, beliau berharap keputusan itu tidak diperlekehkan Singapura sebaliknya memikirkan cara terbaik untuk menetapkan harga air yang perlu dibayar kepada Malaysia.

"Kita akan tetap membekalkan air secara berterusan kepada Singapura kerana ia adalah satu keperluan.

"Apa yang kita tuntutan adalah harga yang adil dan wajar untuk Singapura memberi maklum balas mengenai harga yang berpatutan kerana harga sekarang sudah tidak wajar," katanya.

Turut hadir, Ketua Umno bahagian, Datuk Hamdin Abdollah; Timbalannya, Abdul Gafar Atan; Ketua Pemuda, Marzuki Taib; Ketua Wanita, Norpipah Abdul dan Ketua Puteri, Raziah Abdul Rahman.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib berkata, kerajaan mahu Singapura menyelesaikan penetapan harga bekalan air secara lebih adil dan saksama bagi kepentingan bersama.

Katanya, jaminan itu membuktikan niat baik negara dalam segala hal terhadap negara jiran dengan tidak menjadikan isu air sebagai senjata.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Najib yang juga Menteri Pertahanan meminta semua pihak dalam parti khususnya pimpinan di peringkat cawangan memperluaskan pintu bagi memudahkan orang ramai menjadi ahli Umno.

Beliau berkata, ini kerana pihaknya ada menerima aduan beberapa pihak terutama yang dianggap sebagai pencabar pemimpin di peringkat cawangan sukar untuk menjadi ahli Umno.

"Rahsia kejayaan Umno didokong jumlah sokongan rakyat yang ramai dan kita juga haruslah menjadi parti yang menaungi semua tuntutan, kegiatan dan keperluan masyarakat Melayu.

"Di Malaysia, nasib Bumiputera dan Umno tidak boleh dipisahkan dan mesej ini haruslah disampaikan serta diserapkan. Jangan kerana perkara remeh maka kita lupa pada tanggungjawab ini," katanya.